
VISUAL ILUSTRASI DAN FOTOGRAFI TERHADAP KULIT BUKU CINA PERANAKAN DI MALAYSIA: ANALISIS SEMIOTIK

NURDAMIA QISTINA MOHD AZMI*

MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI**

deeazmi12@gmail.com*, msuhaizi@iium.edu.my (Penulis Koresponden)**

Abstrak

Persepsi awal para pembaca terhadap buku bermula dari rekaan kulit bukunya yang menarik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan elemen visual ilustrasi dan fotografi pada kulit buku Cina Peranakan berdasarkan analisis Semiotik Stokes (2003). Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif yang melibatkan instrumen kajian seperti kaedah analisis dokumen dan kaedah kepustakaan. Dapatkan kajian telah menunjukkan bahawa ketiga-tiga buku yang dipilih iaitu Cina Peranakan Tirok Terengganu, Cina Peranakan Kelantan: Menerusi Lensa Sosiologi dan Peranakan Cina Kelantan: Sintesis Cina Tanah Besar dan Melayu Tanah Melayu mengaplikasikan analisis Semiotik Stokes (2003) dengan mengambil kira elemen bentuk, warna dan gambar. Selain itu, kajian ini juga menambah baik tahap pemahaman pembaca mengenai budaya Cina Peranakan agar terus terpelihara dan berusaha mengangkat budaya ini ke peringkat yang lebih tinggi.

Kata Kunci: Cina Peranakan, kulit buku, Semiotik, visual fotografi, visual ilustrasi

Dihantar: 23 Mac 2023

Disemak: 18 April 2023

Diterbit: 31 Mac 2024

* Pelajar di Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 84600 Pagoh, Malaysia

** Pensyarah Kanan di Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 84600 Pagoh, Malaysia



VISUAL ILLUSTRATION AND PHOTOGRAPHY ON CINA PERANAKAN BOOK COVER DESIGN IN MALAYSIA: SEMIOTIC ANALYSIS

NURDAMIA QISTINA MOHD AZMI*

MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI**

deeazmi12@gmail.com*, msuhaizi@jium.edu.my (*Corresponding Author*) **

Abstract

The initial perception of readers towards a book begins with the attractive design of its cover. Therefore, this study aims to elucidate the visual elements of illustration and photography on the cover of the Peranakan Chinese book based on the Semiotic analysis of Stokes (2003). This study applies a qualitative method involving research instruments such as document analysis and literature review. The findings of the study have shown that all three selected books, namely "Cina Peranakan Tirok Terengganu," "Cina Peranakan Kelantan: Menerusi Lensa Sosiologi," and "Peranakan Cina Kelantan: Sintesis Cina Tanah Besar dan Melayu Tanah Melayu," apply Semiotic analysis of Stokes (2003) by considering the elements of form, color, and image. Furthermore, this study also aims to enhance readers' understanding of Peranakan Chinese culture in order to preserve and elevate this culture to a higher level.

Keywords: Cina Peranakan, book cover, Semiotic, visual photography, visual illustration

Submitted: 23 March 2023

Revised: 18 April 2023

Published: 31 March 2024

* Student at Kulliyyah of Languages and Management, International Islamic University Malaysia, 84600 Pagoh, Malaysia

** Senior Lecturer at Kulliyyah of Languages and Management, International Islamic University Malaysia, 84600 Pagoh, Malaysia



1.0 Pengenalan

Seiring dengan Revolusi Industri 4.0, perkembangan teknologi menuntut kepada penukaran cara konvensional dan kepentasan dalam penghasilan produk. Literasi dunia digital mempengaruhi suatu industri untuk kekal relevan pada hari ini. Industri penerbitan buku juga tidak terkecuali mengikuti arus kemodenan dalam usaha untuk mempercepat dan memudahkan urusan proses penerbitan buku. Untuk kekal sebagai industri yang signifikan, industri penerbitan buku menekankan seni grafik pada kulit buku yang merupakan cabang dalam komunikasi visual. Komunikasi visual adalah bentuk komunikasi yang menggunakan elemen visual berbanding tulisan formal dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Elemen visual dapat diekspresikan pada lukisan, simbol, bentuk atau hanya garisan yang disusun untuk kesan tertentu (Palm, 2020). Implikasi komunikasi visual ini memberi kesan yang kuat kepada khalayak. Hal ini demikian kerana, kebanyakan pereka grafik menekankan dua elemen yang penting iaitu menggabungkan visual ilustrasi dan fotografi. Pereka grafik menggunakan kedua-dua elemen visual ini bagi tujuan kejelasan imej kepada khalayak sasaran. Di samping itu, proses penerbitan pada peringkat awal turut mengambil kira susun atur, tipografi dan visual yang dipaparkan pada kulit buku. Kepentingannya adalah untuk menggambarkan konsep dan idea sebuah karya dengan lebih berkesan.

Bagi visual fotografi pula kebiasaannya mewakili suatu objek atau pemandangan. Terdapat lima elemen visual fotografi yang dititikberatkan misalnya warna, cahaya, pergerakan, tekstur, dan bentuk. Tambahan pula, elemen visual fotografi ini turut mementingkan pencahayaan bagi menghasilkan sebuah gambar yang berkualiti. Oleh hal yang demikian, penampilan visual fotografi ini berupaya mewujudkan suasana kejadian yang sebenar melalui penceritaan pada kulit buku dalam usaha untuk menyampaikan kepada khalayak. Sasaran khalayak juga mudah untuk mengenali visual yang disampaikan kerana penggunaan visual fotografi dapat menyampaikan maksud secara tepat dan jelas.

Secara umumnya, kulit buku merupakan satu daya tarikan pembaca untuk membuat keputusan. Sebagai salah satu medium penyampaian, kulit buku perlu direka dengan baik agar isi penyampaian mudah difahami oleh pembaca. Melalui rekaan grafik yang dipilih, kulit buku dapat menyampaikan mesej kepada pembaca dengan tepat dan teliti. Peranan kulit buku ini mempengaruhi persepsi pertama dan minat pembaca terhadap suatu buku (Tengku Intan Maslina, Madiawati Mamat & Rohayati Junaidi, 2020). Oleh itu, tafsiran persepsi ini mula berlaku melalui tafsiran komunikasi visual. Setiap persepsi yang dihasilkan menunjukkan pengamatan yang mendalam daripada para pembaca terhadap penampilan kulit buku tersebut. Julia Palm (2020) turut menyatakan bahawa penampilan kulit buku merupakan identiti yang terikat dengan plot dan genrenya serta membenarkan pembaca untuk membayangkan isi di sebalik kulit buku tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa visual kulit buku merupakan salah satu faktor dalam mempengaruhi kemudahbacaan dan keupayaan individu (Hanafi Mohd, Normah Mustaffa & Wan Amizah, 2018).

2.0 Permasalahan Kajian

Visual ilustrasi dan fotografi menjadi fokus utama dalam dunia penerbitan sesebuah naskhah. Tambahan pula, kekreatifan kedua-dua elemen merupakan keutamaan para



pereka bentuk seiring menggunakan pendekatan Semiotik bagi mempengaruhi psikologi dan minat individu. Sebagai contoh, kajian gabungan visual dan teori Semiotik ini dijalankan oleh Annisa Ayu & Shiti Gaziliani (2021) pada kulit novel genre fantasi *Percy Jacksons and The Olympion* karya Rick Riordan. Siti Desintha (2019) juga menjalankan kajian mengenai analisis Semiotik kulit buku *Soulscape Road* karya Oscar Motuloh yang merupakan genre berbentuk ilmiah. Akhir sekali, kajian Semiotik ini turut dilakukan pada buku genre Islamik iaitu Ikon Syabab menerusi kajian Mohamad Suhaizi, Muhammad Faizuddin dan Shahrul Nizam (2019). Namun, tiada lagi kajian dijalankan mengenai visual ilustrasi dan fotografi terhadap genre budaya yang menggunakan analisis Semiotik.

Perkara ini dapat dilihat melalui kajian lepas yang hanya tertumpu pada kulit buku genre fantasi, ilmiah, dan Islamik sahaja. Hal ini berikutan kajian mengenai kulit buku dalam kalangan pengkaji tempatan amat sedikit berbanding di luar negara. Walau bagaimanapun, kajian terhadap kulit buku bergenre budaya Cina Peranakan tiada dilakukan terutamanya dari sudut Semiotik. Hal ini memberi kesan dari sudut kelestarian budaya Cina Peranakan di Malaysia yang akan semakin pupus sekiranya tiada usaha yang giat dalam memartabatkan budaya ini khususnya dalam kalangan belia. Hal ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Luqman Ridhwan (2021), seni dan budaya ini perlu dikomersialkan agar tradisi ini tidak janggal pada masyarakat akan datang.

Seterusnya, golongan belia pada masa kini kurang berminat untuk membaca genre bersifat budaya. Tambahan pula, golongan tersebut lebih tertumpu pada novel fiksyen dan karya bebas atau dikenali sebagai karya indie yang lebih menarik untuk dibaca (Mohamad Faisal Ashaari et al, 2018). Hal ini menyebabkan buku bergenre budaya kurang mendapat tempat dalam industri perbukuan di Malaysia terutamanya dalam kalangan belia. Maka, perlunya kajian lanjutan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi minat golongan belia terhadap kulit buku yang memaparkan budaya Cina Peranakan.

3.0 Kaedah Kajian

Reka bentuk yang diaplikasikan menerusi kajian ini adalah kajian gabungan. Data yang diperoleh adalah daripada data kualitatif. Menerusi kajian ini, pengkaji dapat memperoleh maklumat melalui kaedah analisis dokumen, kaedah kepustakaan, serta kaedah tinjauan. Kaedah analisis dokumen dan kaedah kepustakaan digunakan dalam kajian ini bagi membolehkan pengkaji untuk menganalisis tanda-tanda visual ilustrasi dan fotografi pada kulit buku.

3.1 Analisis Dokumen

Kajian kualitatif ini akan menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu mengkaji elemen visual ilustrasi dan fotografi pada kulit buku Cina Peranakan di Malaysia. Analisis dokumen yang dipilih ialah Cina Peranakan Tirok Terengganu, Cina Peranakan Kelantan: Menerusi Lensa Sosiologi dan Peranakan Cina Kelantan: Sintesis Cina Tanah Besar dan Melayu Tanah Melayu. Kaedah ini digunakan untuk menginterpretasikan elemen visual yang terdapat pada reka bentuk kulit buku kajian berdasarkan Analisis Semiotik Stokes.




3.2 Kaedah Kepustakaan

Pengkaji turut menggunakan kaedah perpustakaan iaitu mengkaji kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan konteks kajian ini. Hal ini membolehkan pengkaji mengumpulkan maklumat dan data yang lebih banyak berkaitan kajian ini. Proses pengambilan sumber maklumat dan data yang berkaitan dilakukan melalui pembacaan dan rujukan daripada artikel, buku dan jurnal mengenai elemen visual ilustrasi dan fotografi. Dengan ini, semua maklumat yang diperoleh dapat digunakan sebagai bahan rujukan dan sokongan untuk penulisan kajian yang lebih berkualiti.

4.0 Dapatan Kajian

4.1 Elemen Visual Ilustrasi dan Fotografi Pada Kulit Buku


Bahagian ini melibatkan huraihan elemen visual ilustrasi dan fotografi bagi buku ‘Cina Peranakan Tirok Terengganu’, ‘Cina Peranakan Kelantan: Menerusi Lensa Sosiologi’ dan ‘Peranakan Cina Kelantan: Sintesis Cina Tanah Besar dan Melayu Tanah Melayu’. Elemen visual ini memfokuskan tiga elemen sahaja daripada Analisis Semiotik Stokes (2003) iaitu bentuk, warna dan gambar.



Rajah 1: Teori Semiotik Stokes (1839-1914)

Teori Semiotik Pierce (1839-1914) merupakan proses pemakaunan tanda mengikut hubungan antara tiga tanda iaitu Perwakilan, Objek dan Interpretasi. Perwakilan merupakan bahagian tanda yang merujuk kepada sesuatu yang diwakili olehnya iaitu Objek, kemudian Interpretasi adalah proses yang menafsirkan hubungan Perwakilan dan Objek. Justeru, Objek (Y), Perwakilan (X) merupakan elemen bagi Interpretasi ($X = Y$). Konsep yang dikemukakan oleh Pierce ini mempunyai hubungan antara satu sama lain yang membentuk kepada penjelasan terhadap makna sebenar suatu objek. Oleh itu, Peirce (1839-1914) menyimpulkan bahawa setiap perwakilan ini mempunyai hubungan dan tidak dapat dipisahkan dengan interpretasi dan objek yang dirujuknya.






Rajah 2: Analisis Semiotik Stokes (2003)

Berdasarkan Rajah 2, Analisis Semiotik Stokes (2003) ini memfokuskan kepada empat elemen iaitu bentuk, warna, gambar dan tulisan dan pesan. Tulisan dan pesan dikembangkan lagi kepada dua aspek iaitu implisit dan eksplisit. Aspek eksplisit menganalisis elemen seperti jenis huruf, ukuran huruf, warna huruf serta ketebalan huruf. Namun melalui kajian ini, pengkaji hanya menganalisis kepada elemen fizikal iaitu bentuk, warna dan gambar sahaja.

Cina Peranakan Tirok Terengganu



Rajah 3: Kulit buku Cina Peranakan Tirok Terengganu

Berikut merupakan analisis bagi visual fotografi bagi kulit buku Cina Peranakan Tirok Terengganu.



Jadual 1: Analisis semiotik buku Cina Peranakan Tirok Terengganu

No.	Representatif (X)	Objek (Y)	Interpretasi (X=Y)
1.	Dua ekor singa yang berwarna biru dan kuning.	Salah satu upacara yang penting bagi perayaan Tahun Baharu Cina.	Menurut kepercayaan masyarakat Cina, warna kuning melambangkan kuasa takhta dan kemakmuran. Warna biru mempunyai kaitan dengan sifat air yang tenang. Selain itu, tarian singa ini juga turut sinonim dengan perayaan Tahun Baharu.
2.	Seorang warga emas lelaki yang berbaju merah.	Simbol kekeluargaan iaitu semua ahli berkumpul ketika perayaan diadakan.	Perayaan Tahun Baharu adalah perayaan yang mengumpulkan ke semua ahli keluarga. Pelbagai aktiviti dilakukan bertujuan untuk mengeratkan lagi kemesraan bersama sanak-saudara.
3.	Rumah papan yang menjadi tempat tinggal masyarakat Cina Peranakan.	Simbol kehidupan masyarakat dahulu.	Masyarakat Peranakan Cina juga turut tinggal di rumah papan yang lebih sinonim dengan masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan proses asimilasi membenarkan perkembangan sosiologi ini.
4.	Warna hijau biru laut sebagai latar belakang kulit buku.	Warna berkenaan dengan geografi Kg. Tirok, Terengganu.	Kedudukan geografi Kg. Tirok yang berdekatan dengan laut menyebabkan warna hijau laut ini menjadi pilihan utama.

Berdasarkan Jadual 1, terdapat empat analisis yang telah dilakukan pada buku Cina Peranakan: Tirok Terengganu. Analisis semiotik yang dikenal pasti hanya memfokuskan kepada dua elemen iaitu warna dan gambar sahaja. Bagi elemen gambar, representatif (1) menunjukkan terdapat dua ekor singa berwarna biru dan kuning. Objek (1) ialah tarian singa yang merupakan salah satu upacara yang dilakukan pada perayaan Tahun Baharu Cina. Representatif (1) adalah berdasarkan kepercayaan masyarakat Cina iaitu warna kuning melambangkan kuasa takhta dan kemakmuran. Warna biru mempunyai kaitan dengan sifat air yang tenang. Selain itu, tarian singa ini juga turut sinonim dengan perayaan Tahun Baharu. Menurut *China Highlights* (2021), singa melambangkan kuasa, kebijaksanaan dan keunggulan. Masyarakat Cina mempersembahkan tarian singa pada perayaan Cina atau majlis besar untuk membawa nasib baik dan menghalau roh jahat. Selain itu, tujuan tarian singa dilakukan adalah untuk membawa kemakmuran dan tuah untuk tahun yang akan datang. Oleh itu, tarian singa ini turut mewujudkan suasana yang bahagia kepada tetamu yang hadir.

Seterusnya, representatif (2) ialah seorang warga emas lelaki yang berbaju merah. Objek (2) ini melambangkan simbol kekeluargaan iaitu semua ahli berkumpul ketika perayaan diadakan. Hal ini disebabkan, interpretasi (2) perayaan Tahun Baru adalah perayaan yang mengumpulkan ke semua ahli keluarga. Perayaan Tahun Baharu ini disambut selama 15 hari mengikut kalender bulan sehingga bulan penuh. Setiap 15 hari tersebut, pelbagai perayaan dan aktiviti yang dilakukan seperti melawat ahli keluarga pada hari pertama, menyambut ‘hari lahir anjing’ atau *zhengyue*, memasang tanglung dan sebagainya (Royal Museum Greenwich, 2021).



Representatif (3) pula merupakan rumah papan yang menjadi tempat tinggal masyarakat Cina Peranakan. Objek (3) ini merupakan simbol kehidupan masyarakat dahulu. Interpretasi (3) menunjukkan masyarakat Peranakan Cina juga turut tinggal di rumah papan yang lebih sinonim dengan masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan proses asimilasi membenarkan perkembangan sosiologi ini. Menurut Ahmad Rabiul (2021), masyarakat Cina Tirok masih mengekalkan budaya cina serta menggabungkan budaya Melayu melalui gaya hidup masyarakat Melayu. Oleh itu, dapat dilihat pemakian dan gaya hidup Cina Tirok adalah sama seperti masyarakat Melayu. Majoriti masyarakat Cina Peranakan di Kg. Tirok di rumah papan disebabkan kediaman mereka berdekatan dengan pantai. Pembinaan kayu memudahkan mereka untuk mempunyai struktur rumah yang lebih tinggi dan kukuh disebabkan mengambil kira faktor alam seperti krisis banjir. Kayu yang digunakan juga adalah kukuh dengan menggunakan kayu Kulimpapa, kayu Nibong Tua dan kayu jenis Bulian kerana ketahanannya di dalam air (Mohd Daud, 2017).

Bagi elemen warna pula, representatif (4) ialah warna hijau biru laut yang digunakan sebagai latar belakang kulit buku. Objek (4) ini digunakan bersempena dengan warna yang seakan dengan geografi Kg. Tirok, Terengganu. Interpretasi (4) menerangkan bahawa kedudukan geografi Kg. Tirok yang berdekatan dengan laut menyebabkan warna hijau biru laut ini menjadi pilihan utama. Kawasan Kg. Tirok yang dikelilingi dengan kekayaan alam seperti laut dan pokok menyebabkan warna kehijauan menjadi pilihan utama. Warna hijau ini membawa ketenangan dan mengurangkan stres kepada individu. Keberkesanan pemilihan warna ini mampu memberi kesan yang positif kepada pembaca disebabkan struktur warna yang lembut dan menenangkan.



Cina Peranakan Kelantan: Menerusi Lensa Sosiologi



Rajah 4: Kulit buku Cina Peranakan Kelantan: Menerusi Lensa Sosiologi

Berikut merupakan analisis bagi visual fotografi bagi kulit buku Cina Peranakan Kelantan: Menerusi Lensa Sosiologi.

Jadual 2: Analisis semiotik buku Cina Peranakan Kelantan: Menerusi Lensa Sosiologi

No.	Representatif (X)	Objek (Y)	Interpretasi (X=Y)
1.	Bentuk petak sebagai bingkai pada gambar.	Tujuan untuk memfokuskan visual utama pada kulit buku.	Bentuk petak yang dijadikan sebagai bingkai gambar ini memfokuskan elemen visual utama iaitu fotografi pasangan suami isteri dan nenek tua. Bentuk petak ini dapat mempengaruhi pandangan pembaca dengan memberikan gambaran awal mengenai kebudayaan Peranakan Cina.
2.	Fotografi seorang pengantin lelaki dan seorang pengantin wanita berlutut sambil memberikan secawan teh kepada seorang wanita tua.	Tanda penghormatan kepada orang tua yang menghadiri majlis perkahwinan mereka.	Kepercayaan masyarakat Cina, menghidangkan teh merupakan acara wajib dalam upacara perkahwinan yang dikenali sebagai jamua perkahwinan atau <i>xi-jiu</i> (wain kebahagiaan).
3.	Penggunaan warna merah pada tulisan, bingkai gambar dan pakaian pengantin dan orang tua.	Warna merah digunakan untuk menekankan elemen visual yang terdapat pada kulit buku.	Warna merah amat sinonim dengan masyarakat Cina yang membawa maksud keuntungan. Oleh itu, penekanan dalam penggunaan warna merah pada rekaan kulit buku ini berkaitan



			dengan kepercayaan masyarakat Cina terhadap warna merah ini.
4.	Kawasan penempatan moden dijadikan sebagai gambar latar belakang kulit buku.	Menunjukkan masyarakat Peranakan Cina di Kelantan mengalami peralihan zaman dan meneruskan kehidupan seperti etnik yang lain.	Proses asimilasi Cina Peranakan mempengaruhi sosiologi masyarakat ini. Perkembangan zaman juga mempengaruhi cara kehidupan masyarakat Cina Peranakan yang sama dengan masyarakat lain di Malaysia.

Berdasarkan Jadual 2, terdapat empat analisis yang telah dilakukan pada buku Cina Peranakan Kelantan: Lensa Sosiologi. Analisis semiotik yang dikenal pasti hanya memfokuskan kepada tiga elemen iaitu warna, bentuk dan gambar sahaja. Bagi elemen bentuk, representatif (1) menunjukkan bentuk petak sebagai bingkai pada gambar. Objek (1) bertujuan untuk memfokuskan visual utama pada kulit buku. Interpretasi (1) yang merupakan bentuk petak yang dijadikan sebagai bingkai gambar ini memfokuskan elemen visual utama iaitu fotografi pasangan suami isteri dan nenek tua. Bentuk petak ini dapat mempengaruhi pandangan pembaca dengan memberikan gambaran awal mengenai kebudayaan Cina Peranakan. Satu visual fotografi dalam bentuk petak ini mampu menafsirkan pelbagai maksud di sebaliknya.

Bagi elemen gambar pula, representatif (2) iaitu visual fotografi seorang pengantin lelaki dan seorang pengantin wanita berlutut sambil memberikan secawan teh kepada seorang wanita tua. Objek (2) Tanda penghormatan kepada orang tua yang menghadiri majlis perkahwinan mereka. Interpretasi (2) Kepercayaan masyarakat Cina, menghidangkan teh merupakan acara wajib dalam upacara perkahwinan yang dikenali sebagai jamuan perkahwinan atau *xǐjiu* (wain kebahagiaan). Bagi masyarakat Cina, upacara minum teh amat penting bagi memperkenalkan pasangan kepada ahli keluarga.

Upacara dimulakan dengan memperkenalkan datuk nenek mertua. Seperti dalam gambar ini, pasangan mentua duduk di atas kerusi dan pengantin perempuan akan menghidangkan teh sirap longan kering dan kurma Cina merah kepada datuk mentua diikuti nenek mentua. Setelah seteguk teh diminum, mentua mengembalikan cawan kepada dulang dan meletakkan Ang Bao (sampul berisi duit) di atasnya. Kebiasaan Ang Bao mengandungi jumlah wang atau perhiasan emas. Selepas pasangan datuk nenek selesai meminum teh, ibu bapa pengantin pula akan diperkenalkan kepada pengantin perempuan. Pengantin perempuan perlu tunduk kepada setiap ahli keluarga yang lebih tua daripadanya kecuali bapa dan ibu mentua yang memerlukannya untuk berlutut. Kesimpulannya, masyarakat Cina juga menekankan dan mengamalkan aspek penghormatan terhadap golongan tua dalam keluarga.

Representatif (3) pula menggambarkan kawasan penempatan moden dijadikan sebagai gambar latar belakang kulit buku. Objek (3) menunjukkan bahawa masyarakat Peranakan Cina di Kelantan mengalami peralihan zaman dan meneruskan kehidupan seperti etnik yang lain. Interpretasi (3) proses asimilasi



Cina Peranakan mempengaruhi sosiologi masyarakat ini. Perkembangan zaman juga mempengaruhi cara kehidupan masyarakat Cina Peranakan yang sama dengan masyarakat lain di Malaysia.

Bagi elemen warna, representatif (4) penggunaan warna merah pada tulisan, bingkai gambar dan pakaian pengantin dan orang tua. Objek (4) iaitu warna merah digunakan untuk menekankan elemen visual yang terdapat pada kulit buku. Hal ini disebabkan, interpretasi (4) iaitu warna merah amat sinonim dengan masyarakat Cina yang membawa maksud keuntungan. Menurut Wan Yangming (2019), warna merah dalam masyarakat Cina melambangkan kebahagiaan, kejayaan dan keuntungan. Perkataan ‘Xi’ sering lihat di sekitar kawasan masyarakat Cina kerana membawa merah dan kebahagiaan. Oleh itu, penekanan dalam penggunaan warna merah pada rekaan kulit buku ini berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Cina terhadap warna merah ini.

Peranakan Cina Kelantan: Sintesis Cina Tanah Besar dan Melayu Tanah Melayu



Rajah 5: Kulit buku Peranakan Cina Kelantan: Sintesis Cina Tanah Besar dan Melayu Tanah Melayu



Berikut merupakan analisis bagi visual fotografi bagi kulit buku Peranakan Cina Kelantan: Sintesis Cina Tanah Besar dan Melayu Tanah Melayu.

Jadual 3: Analisis semiotik buku Peranakan Cina Kelantan: Sintesis Cina Tanah Besar dan Melayu Tanah Melayu

No.	Representatif (X)	Objek (Y)	Interpretasi (X=Y)
1.	Seorang wanita berbaju kebaya ungu melakukan upacara sembahyang.	Upacara sembahyang dilakukan bagi menjamin kesejahteraan kehidupan keluarganya serta nenek moyangnya.	Seorang wanita berbaju kebaya ungu ini merupakan sosok seorang ibu yang sedang bersembahyang pada Tuhan untuk meminta kesejahteraan dan perlindungan buat keluarga. Hal ini demikian kerana, wanita dikenali sebagai tunjang kekuatan sebuah keluarga serta ketua atau permaisuri di rumah. Oleh itu, menjadi tanggungjawab buat wanita ini untuk memohon perlindungan dan keselamatan keluarganya.
2.	Seorang kanak-kanak lelaki bersandar pada rak sambil membaca buku.	Semangat anak muda dalam menimba ilmu.	Ketekunan dan semangat kanak-kanak lelaki dalam menimba ilmu. Dalam Islam juga, menuntut kewajipan seorang muslim untuk menuntut ilmu seperti yang disebut menerusi surah al-Mujadalah ayat 11 iaitu "Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan Agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat". Meskipun berbeza agama, menjadi tanggungjawab setia individu untuk menuntut ilmu demi kelangsungan hidup dan akal budi.
3.	Beberapa bingkai gambar nenek moyang digantung pada dinding rumah.	Simbol kekeluargaan yang utuh serta mengingati kepada nenek moyang mereka.	Beberapa gambar keluarga digantung pada dinding rumah ini bertujuan untuk mengekalkan detik indah dan mengingati nenek moyang mereka. Tujuannya juga adalah untuk mengingati susur galur keluarga Cina Peranakan mereka yang merupakan etnik yang cukup istimewa di Malaysia.
4.	Gegantung perkataan "門临福五" digantung pada dinding.	Gegantung ini digantung bertujuan untuk kerahmatan kehidupan mereka.	Gegantung ini dikenali sebagai lima nikmat menurut masyarakat Cina. Lima nikmat ini ialah panjang umur, keberkatan dan kemewahan, kebajikan serta kematian yang baik.



5.	Gegantung “千尺系夢欣有托” digantung di sebelah kiri tempat bersembahyang dan gegantung “百年琴瑟喜和諧” pula di sebelah kanan.	Dua gegantung ini mempunyai perkaitan dengan kesejahteraan perkahwinan mereka.	Bagi gegantung di sebelah kiri, perkataan ini bermaksud ‘keamanan kesejahteraan’. Di sebelah kanan pula, ‘100 tahun dua ikatan gembira harmoni’ ditulis pada gegantung tersebut. Menurut kepercayaan masyarakat Cina, gegantung ini mempunyai kaitan dengan perkahwinan mereka dan bertujuan untuk mengekalkan keharmonian rumah tangga mereka.
6.	Bentuk seperti cop berwarna merah dijadikan sebagai latar kepada tajuk buku.	Menggunakan bentuk seperti cop bagi menggambarkan bahawa buku ini umpsama satu khazanah yang berharga.	Bentuk seperti cop mohor ini dapat dilihat pada suatu urusan yang penting dan istimewa. Oleh itu, bentuk ini digunakan sebagai latar belakang pada tajuk buku ini. Hal ini untuk menunjukkan keistimewaan khazanah etnik Cina Peranakan ini perlu diketahui dan dikekalkan kebudayaannya.
7.	Warna latar belakang kulit buku ini menekankan unsur kegelapan dengan menggunakan warna kehitaman, merah dan kelabu.	Penekanan unsur gelap pada latar belakang buku ini bertujuan membangkitkan perasaan pembaca terhadap pengisian buku.	Penggunaan warna gelap kehitaman ini sering dikenali sebagai suatu warna yang ekslusif. Sebagai salah satu etnik yang istimewa di Malaysia, penggunaan warna hitam digunakan bagi menunjukkan nilai istimewa masyarakat ini. Padanan warna merah ini juga digunakan sebagai warna yang beruntung bagi masyarakat Cina. Padanan kedua-dua warna ini menarik perhatian pembaca untuk membaca bahan bacaan ini.

Berdasarkan Jadual 3, terdapat tujuh analisis yang telah dilakukan pada buku Peranakan Cina Kelantan: Sintesis Cina Tanah Besar dan Melayu Tanah Melayu. Analisis semiotik yang dikenal pasti hanya memfokuskan kepada tiga elemen iaitu warna, bentuk dan gambar sahaja. Bagi elemen gambar, representatif (1) menunjukkan seorang wanita berbaju kebaya ungu melakukan upacara sembahyang. Objek (1) upacara sembahyang dilakukan bagi menjamin kesejahteraan kehidupan keluarganya serta nenek moyangnya. Interpretasinya (1) ialah seorang wanita berbaju kebaya ungu ini merupakan sosok seorang ibu yang sedang bersembahyang pada Tuhananya untuk meminta kesejahteraan dan perlindungan buat keluarganya. Hal ini disebabkan, wanita dikenali sebagai tunjang kekuatan sebuah keluarga serta ketua atau permaisuri di rumah. Perkara ini bertepatan dengan falsafah masyarakat Cina berkaitan analogi *Yin* dan *Yang* (Lijuan Shen dan Paul D'Ambrosio, 2022). Perbezaan *Yin* dan *Yang* ini yang membawa kepada keharmonian sebuah hubungan misalnya wanita bertanggungjawab untuk segala-galanya di dalam rumah, manakala lelaki mendominasi urusan luar.



Selain itu, menurut mereka lagi, wanita yang berbudi dikategorikan kepada enam bahagian iaitu kebijakan: keibuan (*muyi*), kecerdasan seperti orang bijak (*xianming*), kebijaksanaan kemanusiaan (*renzhi*), kesucian dan ketakwaan (*zhenshun*), kesucian dan ketaatan (*jieyi*), dan kemahiran dalam hujah dan komunikasi (*biantong*). Perihal ini juga membuktikan bahawa peranan wanita tidak dipinggirkan sebaliknya dimartabatkan dengan mempunyai kuasa yang tertinggi untuk membawa satu pengaruh dalam sebuah institusi kekeluargaan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab buat wanita ini untuk memohon perlindungan dan keselamatan keluarganya.

Representatif (2) pula memperlihat seorang kanak-kanak lelaki bersandar pada rak sambil membaca buku. Objek (2) semangat anak muda dalam menimba ilmu. Interpretasi (2) ialah ketekunan dan semangat kanak-kanak lelaki dalam menimba ilmu ini juga membuktikan kepatuhan seorang anak terhadap ibu bapa mereka. Menurut Zhiang Lihua (2013), masyarakat Cina mengamalkan lapan nilai-nilai tradisionalnya iaitu keharmonian, kebijakan, kebenaran, kesopanan, kebijaksanaan, kejujuran, kesetiaan, dan kebaktian. Kebijaksanaan yang dimaksudkan dalam nilai tradisional Cina ini ialah bijak membezakan perkara yang salah dan benar. Bertepatan dengan pemikiran Confucius iaitu “mereka harus mempunyai kebijaksanaan dan kepintaran untuk mengawal kejahatan dan melakukan kebaikan”.

Di samping itu, masyarakat Cina menekankan aspek pendidikan bagi menjamin masa depan dan perkembangan mereka. Perihal ini juga amat sinonim dengan kewajipan seorang Muslim untuk menuntut ilmu. Dalam Islam juga, menuntut kewajipan seorang muslim untuk menantu ilmu seperti yang disebut menerusi surah Al-Mujadalah ayat 11 iaitu “Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat”. Meskipun berbeza agama, menjadi tanggungjawab setiap individu untuk menuntut ilmu demi kelangsungan hidup dan akal budi.

Representatif (3) pula menunjukkan beberapa bingkai gambar nenek moyang digantung pada dinding rumah. Objek (3), simbol kekeluargaan yang utuh serta mengingati kepada moyang mereka. Interpretasi (3) beberapa gambar keluarga digantung pada dinding rumah ini bertujuan untuk mengekalkan detik indah dan mengingati nenek moyang mereka. Tujuannya juga adalah untuk mengingati susur galur keluarga Cina Peranakan mereka yang merupakan etnik cukup istimewa di Malaysia. Selain itu, masyarakat Cina mempunyai kepercayaan dalam menyembah nenek moyang mereka. Kepercayaan masyarakat Cina ialah pemujaan nenek moyang perlu dilakukan kerana mengabdikan si mati mampu mempengaruhi dewa-dewa untuk membawa mereka nasib baik. Impak daripada mengabaikan nenek moyang dipercayai menyebabkan kewujudan roh-roh moyang boleh menjadi 'hantu kelaparan' yang pendendam dan berbahaya.

Representatif (4) merupakan gegantung perkataan “**五福临门**” digantung pada dinding. Objek (4) gegantung ini digantung bertujuan untuk kerahmatan kehidupan mereka. Interpretasi (4) Gegantung ini dikenali sebagai lima nikmat



menurut masyarakat Cina. Lima nikmat ini berasal daripada "Buku Lagu" dan "Hong Fan" dan dikenali sebagai lima keberkatan datang ke pintu" (Laymen Chen Boda, 2020). Lima nikmat ini ialah panjang umur, keberkatan dan kemewahan, kesihatan yang baik, kebajikan serta kematian yang baik. Lima nikmat atau keberkatan ini tidak boleh dipisahkan dan dihubungkan dalam kehidupan bagi menjamin kesejahteraan berpanjangan (Wan Yangming, 2019). Walaubagaimanapun, perkataan lima nikmat pada kulit buku ini ditulis secara terbalik disebabkan masyarakat Cina terdahulu menulis Hanzi ini seperti tulisan jawi. Namun, peredaran zaman moden telah menyebabkan tulisan Hanzi ditulis dari kiri.

Representatif (5) pula merupakan gegantung “千尺系夢欣有托” digantung di sebelah kiri tempat bersembahyang dan gegantung “百年琴瑟喜和諧” pula di sebelah kanan. Objek (5) dua gegantung ini mempunyai perkaitan dengan kesejahteraan perkahwinan mereka. Bagi gegantung di sebelah kiri, perkataan ini bermaksud ‘keamanan kesejahteraan’. Di sebelah kanan pula, ‘100 tahun dua ikatan gembira harmoni’ ditulis pada gegantung tersebut. Interpretasi (5) menurut kepercayaan masyarakat Cina, gegantung ini mempunyai kaitan dengan perkahwinan mereka dan bertujuan untuk mengekalkan keharmonian rumah tangga mereka. *Wedding couplet* atau gegantung perkahwinan ini ditulis dalam tulisan kaligrafi dan penting bagi setiap institusi perkahwinan disebabkan mereka percaya kata-kata yang indah dapat mengekalkan keharmoniannya (Yu Fong Yi, 2014). Gegantung ini juga kebiasaannya akan digantung pada ruang utama rumah atau pintu di sebelah dan kiri. Posisi kiri dan kanan ini dapat diumpamakan sebagai perlindungan dari bahaya melalui pelbagai posisi.

Representatif (6) bentuk seperti cop berwarna merah dijadikan sebagai latar kepada tajuk buku. Objek (6) menggunakan bentuk seperti cop bagi menggambarkan bahawa buku ini umpsama satu khazanah yang berharga. Interpretasi (6) bentuk seperti cop mohor ini dapat dilihat pada suatu urusan yang penting dan istimewa. Oleh itu, bentuk ini digunakan sebagai latar belakang pada tajuk buku ini. Hal ini untuk menunjukkan keistimewaan khazanah etnik Cina Peranakan ini perlu diketahui dan dikekalkan kebudayaannya. Cop mohor ini umpsama lambang dan simbol bagi suatu organisasi serta digunakan sebagai pengesahan dengan meletakkan tanda khas pada cop tersebut. Kegunaan bentuk cop mohor ini menunjukkan nilai tinggi kebudayaan Cina Peranakan ini sebagai suatu masyarakat yang terpenting di Malaysia. Penggunaan warna merah pada cop mohor ini berikutan daripada kepercayaan masyarakat Cina terhadap warna merah yang membawa maksud keuntungan dalam kehidupan.

Representatif (7) warna latar belakang kulit buku ini menekankan unsur kegelapan dengan menggunakan warna kehitaman, merah dan kelabu. Objek (7) Penekanan unsur gelap pada latar belakang buku ini bertujuan membangkitkan mood pembaca terhadap pengisian buku. Interpretasi (7) penggunaan warna gelap kehitaman ini sering dikenali sebagai suatu warna yang ekslusif. Sebagai salah satu etnik yang istimewa di Malaysia, penggunaan warna hitam digunakan bagi menunjukkan nilai istimewa masyarakat ini. Padanan warna merah ini juga digunakan sebagai warna yang



beruntung bagi masyarakat Cina. Padanan kedua-dua warna ini menarik perhatian pembaca untuk membaca bahan bacaan ini. Menurut kepercayaan masyarakat Cina, warna hitam ini memberi melambangkan kuasa, pengetahuan dan kewibawaan. Walau bagaimanapun, warna hitam ini juga sering dielakkan oleh masyarakat Cina kerana turut mempercayai bahawa warna ini membawa maksud kematian dan kehancuran. Oleh itu, pereka kulit buku ini menggabungkan warna hitam, kelabu dan merah bagi menimbulkan suatu suasana baharu kepada pembaca. Keseimbangan warna yang digunakan ini membuktikan satu nafas baharu bagi rekaan kulit buku genre kebudayaan ini.

5.0 Kesimpulan

Melalui kajian ini, pengkaji mencadangkan agar pengkaji baharu dapat memperluaskan tajuk kajian dengan menganalisis kesemua elemen semiotik berlandaskan analisis semiotik Stokes (2003). Pengkaji akan datang memfokuskan untuk mengkaji elemen bentuk, gambar, warna serta mesej dan tulisan untuk menjadikan kajian menjadi lebih mendalam dan menarik. Menerusi kajian ini juga, pengkaji dapat mengembangkan penganalisaan empat elemen Semiotik ini serta memberikan pemahaman dan rujukan kepada pengkaji seterusnya. Untuk menjadikan kajian menjadi lebih padat dan jitu, gabungan dua teori iaitu Roland Barthes dan Peirce berserta Analisis Semiotik Stokes boleh dijadikan landasan kajian akan datang. Selain itu, Yayasan Pembangunan Buku Negara perlu menegaskan syarat-syarat cetakan buku dengan lebih bermutu dengan memfokuskan kemajuan evolusi penerbitan buku seiring dengan arus perkembangan teknologi. Hal ini demikian kerana, nilai estetika kulit buku ini hanya dapat dilihat pada genre fixi berbanding genre berilmiah seperti genre sosiobudaya ini. Kekurangan idea dan kreativiti pada rekaan kulit buku sosiobudaya ini memberi impak terhadap pembaca khususnya generasi belia. Walhal, penerbitan genre sosiobudaya ini perlu diteruskan untuk dijadikan sebagai medium utama pembacaan warisan etnik Malaysia ini. Kesimpulannya, usaha memupuk dan memperkasakan industri pembukuan ini adalah kesatuan dari inisiatif pihak penerbitan, pemasaran produk serta agensi-agensi kerajaan dan swasta sebagai resolusi utama dunia pembukuan ini.

Rujukan

- Hanafi Mohd Tahir, Normah Mustaffa & Wan Amizah Wan Mahmud. (2018). Peranan visual reka bentuk kulit buku terhadap kemudahbacaan khalayak. *Jurnal Komunikasi*, 34(4), 271-284.
- Laymen Chen Boda. (2020). Lima Rahmat. BNF Publications. Diperoleh daripada <https://book.bfnn.org/books/0617.htm>
- Lijuan Shen dan Paul D'Ambrosio. (2022). Gender in Chinese Philosophy. Philpapers Organization. Diperoleh daripada <https://philpapers.org/rec/AUTG>
- Luqman Ridhwan Mohamed Nor. (2021, Jun 6). Industri buku makin tenat. Kosmo. Diperoleh daripada <https://www.kosmo.com.my/2021/06/06/industri-buku-makin-tenat/>
- Mohamad Suhaizi Suhaimi, Muhammad Faizuddin Hashim, Sharil Nizam Sha'ri. (2019). Visual Illustration and Photography on Islamic Book Cover Designs: A Semiotic Analysis. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(5), 34-41.



Mohd Daud. (2017, Mei 20). Rumah-rumah Lama Pada Zaman Dahulu. *Media Permata Brunei*. Diperoleh daripada <https://mediapermata.com.bn/rumah-rumah-lama-pada-zaman-dahulu/>

Muhammad Faisal Ashaari, Mohd Firdaus Hamzah, Lily Yaakub & Rosmawati Mohamad Rasit. (2018). Tarikan Terhadap Buku Indie dalam Kalangan Pembaca Muda di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 40(2), 169-178.

Palm, J. (2020). The art of ebook cover design: An analysis of covers from Amazon kindle and a guideline to avoid the worst of them. Thesis. Jönköping University.

Royal Museum Greenwich. (2021). How Do People Celebrate Chinese New Year. Royal Museum Greenwich. Diperoleh daripada <https://www.rmg.co.uk/stories/topics/how-do-people-celebrate-chinese>

Siti Desintha. (2019). Analisis Semiotika Sampul Buku "Soulscape Road" Karya Oscar Motuloh. *Visualita*, 8(1). 1-14.

Stokes, J. (2003). *How to Do Media and Cultural Studies*. Sage Publication.

Supardy Muradi. 1984. Semiotik dan kajian perlambangan. *Dewan Sastera*. 14, 35-39.

Tengku Intan Marlina. (2014). Semiotik dalam Novel Anwar Ridhwan. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tengku Intan Maslina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat@Mustafa & Rohayati Junaidi. (2020). Kearifan Tempatan dalam Kulit Buku Sastera Kanak-kanak Terpilih Terbitan PTS. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15(3), 22-37.

Wan Yangming. (2019). Lima Keberkatan Datang ke Pintu. Sohu. Diperoleh daripada https://www.sohu.com/a/293385481_764920

Yu Fong Ying. (2014). A Wedding Couplet. Wah Yan College Kowloon Alumni Association of Ontario. Diperoleh daripada <https://www.wykontario.org/index.php/2012-01-09-23-47-35/2013-04-09-21-06-54/class-1961/1584-a-wedding-couplet-yu-fong-ying>

Zhiang Lihua. (2022). Chinas Traditional Cultural Values and National Identity. Carnegie Endowment for International Peace. Diperoleh daripada <https://carnegieendowment.org/2013/11/21/china-s-traditional-cultural-values-and-national-identity-pub-53613>

